



GARIS PANDUAN PENGENDALIAN DIVIDEN SATU PERINGKAT DAN PENDAPATAN DARIPADA PELABURAN DALAM SKIM ANUITI TERTANGGUH DI DALAM LEBIHAN AKTUARI DARIPADA DANA HAYAT YANG DIPINDAHKAN KEPADA DANA PEMEGANG SAHAM

1. PENDAHULUAN

- 1.1 Lebihan aktuari adalah lebih baki daripada perbandingan antara pendapatan yang diterima dengan tanggungan yang ditentukan oleh Aktuari Dilantik pada akhir tahun perakaunan dalam akaun hasil dana hayat bagi tujuan pengagihan kepada pemegang saham dan pemegang polisi.
- 1.2 Aktuari Dilantik akan menentukan sama ada lebihan aktuari (ditunjukkan dalam akaun hasil dana hayat (life fund revenue account) pada akhir suatu tahun perakaunan) untuk diagihkan kepada pemegang saham akan dipindahkan kesemuanya, sebahagian atau tidak dipindahkan kepada dana pemegang saham. Sekiranya dipindahkan, lebihan aktuari yang dipindahkan kepada dana pemegang saham adalah tertakluk kepada cukai pendapatan.
- 1.3 Lebihan aktuari yang telah ditentukan oleh penilai aktuari untuk diagihkan adalah merangkumi semua pendapatan yang diterima oleh dana hayat seperti premium, dividen, faedah, sewa dan keuntungan dari jualan pelaburan. Bagi tujuan cukai pendapatan, pendapatan dana hayat yang tertakluk kepada cukai adalah pendapatan daripada pelaburan iaitu dividen, faedah dan sewa dan keuntungan jualan pelaburan. Mulai tahun taksiran 2008, dividen satu peringkat telah dikecualikan daripada cukai pendapatan. Mulai tahun taksiran 2012, pendapatan dari pelaburan dana hayat di dalam skim anuiti tertangguh yang ditubuhkan di bawah Piawaian Simpanan Persaraan (*Retirement Savings Standard*) yang diluluskan oleh Bank Negara Malaysia juga dikecualikan cukai pendapatan.

- 1.4 Layanan cukai sekarang adalah mengenakan cukai ke atas amaun lebih aktuari dana hayat yang dipindahkan kepada dana pemegang saham tanpa mengambil kira jenis pendapatan yang terdapat di dalamnya semasa pengagihan lebih aktuari ditentukan. Ini menyebabkan dividen satu peringkat dan pendapatan daripada pelaburan dalam skim anuiti tertanggung turut dikenakan cukai.
- 1.5 Bagi memberi kesan sepenuhnya kepada pengecualian cukai pendapatan ke atas dividen satu peringkat dan pendapatan daripada pelaburan dalam skim anuiti tertanggung yang masing-masing diumumkan dalam Bajet 2008 dan 2013, pengecualian juga terpakai ke atas kedua-dua pendapatan pelaburan tersebut yang termasuk dalam lebih aktuari dana hayat yang dipindahkan kepada dana pemegang saham.

2. **OBJEKTIF**

Garis panduan ini bertujuan untuk memberi penjelasan berhubung dengan cara pengendalian dividen satu peringkat dan pendapatan daripada pelaburan dalam skim anuiti tertanggung yang dikecualikan cukai, yang termasuk dalam lebih aktuari dana hayat yang dipindahkan kepada dana pemegang saham.

3. **DIVIDEN SATU PERINGKAT BERSIH DAN PENDAPATAN PELABURAN DALAM SKIM ANUITI TERTANGGUH – BAGI MAKSUD PENGECCUALIAN**

- 3.1 Bagi maksud pengagihan kepada pemegang polisi dan pemegang saham, lebih aktuari yang ditentukan oleh penilai aktuari adalah lebih pendapatan selepas ditolak perbelanjaan dan tanggungan mengikut penilaiannya tanpa mengambil kira peruntukan undang-undang di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP).
- 3.2 Bagi maksud cukai pendapatan, lebih aktuari dana hayat yang dipindahkan kepada dana pemegang saham adalah termasuk pendapatan dividen satu peringkat dan pendapatan daripada pelaburan dalam skim anuiti tertanggung. Oleh itu, bagi memberi kesan kepada pengecualian, bahagian pendapatan bersih dividen satu peringkat dan pendapatan daripada pelaburan dalam skim anuiti tertanggung hendaklah dikeluarkan daripada lebih aktuari yang dipindahkan tersebut.

3.3 Bahagian pendapatan bersih dividen satu peringkat dan pendapatan daripada pelaburan dalam skim anuiti tertanggung (yang dikecualikan cukai) dalam lebihan aktuari dana hayat dan amaun pendapatan yang dikecualikan yang dipindahkan kepada dana pemegang saham ditentukan seperti kaedah berikut:

(i) Menentukan bahagian pendapatan bersih dividen satu peringkat dan pendapatan daripada pelaburan dalam skim anuiti tertanggung (yang termasuk dalam lebihan aktuari)

$$\frac{A}{B} \times C = D$$

A - lebihan aktuari tahun semasa

B - jumlah lebihan aktuari [lebihan tahun semasa (A) dan baki pada awal tahun (A^1)]

C - amaun pendapatan dividen satu peringkat (C^1) dan pendapatan daripada pelaburan dalam skim anuiti tertanggung (C^2)

D - bahagian pendapatan bersih dividen satu peringkat dan pendapatan daripada pelaburan dalam skim anuiti tertanggung

(ii) Menentukan amaun pendapatan bersih dividen satu peringkat dan pendapatan daripada pelaburan dalam skim anuiti tertanggung dalam lebihan aktuari yang dipindahkan kepada dana pemegang saham

$$\frac{E}{G} \times D = H$$

E - lebihan aktuari yang dipindahkan

G - lebihan aktuari yang dipindahkan (E) dan bonus yang diagihkan kepada pemegang polisi (F)

D - bahagian pendapatan bersih dividen satu peringkat dan pendapatan daripada pelaburan dalam skim anuiti tertanggung

H - amaun pendapatan bersih dividen satu peringkat dan pendapatan daripada pelaburan dalam skim anuiti tertangguh dalam lebihan aktuari yang dipindahkan kepada dana pemegang saham

4. PENGIRAAN LEBIHAN AKTUARI YANG DIPINDAHKAN KEPADA DANA PEMEGANG SAHAM YANG TERTAKLUK KEPADA CUKAI PENDAPATAN

4.1 Jadual pengiraan lebihan aktuari daripada akaun hasil dana hayat

	RM
Premium kasar	XX
Tolak: Insurans semula	<u>(XX)</u>
Premium bersih	XX
Tolak: Tuntutan/manfaat polisi dibayar dan boleh dibayar untuk kematian/matang/serah/bonus tunai dan sebagainya	<u>(XX)</u>
	XX
Tolak/Campur: (Peningkatan)/pengurangan dalam rizab (ditentukan oleh aktuari)	(XX)
Perbelanjaan agensi dan komisen	(XX)
Perbelanjaan pengurusan	<u>(XX)</u>
	XX
Pendapatan pelaburan bersih (rujuk 4.3)	XX
Pendapatan bersih operasi lain	<u>XX</u>
Lebihan sebelum cukai	XX
Tolak: Cukai	<u>(XX)</u>
Lebihan aktuari tahun semasa	XX (A)

4.2 Jadual pengagihan lebihan aktuari yang dipindahkan kepada dana pemegang saham

	RM
Lebihan aktuari yang tidak diagihkan dibawa hadapan (termasuk lebihan aktuari sebelum tahun taksiran 2008)	XX (A ¹)
Tambah: Lebihan aktuari tahun semasa	<u>XX</u> (A)
Jumlah lebihan aktuari (A + A ¹) [lebihan tahun semasa + baki pada awal tahun]	XX (B)
Tolak: Bonus diagihkan kepada pemegang polisi	(XX) (F)
Tolak/Campur: Pemindahan (kepada)/daripada penyata pendapatan (Lebihan aktuari yang dipindahkan kepada dana pemegang saham)	<u>(XX)</u> (E)
Lebihan aktuari yang tidak diagihkan pada akhir tahun dihantar hadapan	XX

4.3 Jadual pendapatan pelaburan bersih (mengandungi dividen satu peringkat dan pendapatan daripada pelaburan dalam skim anuiti tertanggung)

	RM
Faedah	XX
Dividen	XX
Dividen satu peringkat	XX (C ¹)
Sewa	XX
Pendapatan daripada pelaburan dalam skim anuiti tertanggung (C ²)	XX
Tolak: Perbelanjaan pelaburan (perenggan 60(3)(b) ACP)	<u>(XX)</u>
Pendapatan pelaburan bersih	XX

4.4 Jadual pengiraan lebihan aktuari yang dipindahkan kepada dana pemegang saham yang tertakluk kepada cukai pendapatan

	RM
Lebihan aktuari yang dipindahkan	XX (E)
Tolak: Amaun pendapatan pelaburan bersih (dividen satu peringkat dan pelaburan dalam skim anuiti tertanggung) yang dipindahkan kepada dana pemegang saham	<u>(XX)</u> (H)
Pendapatan bercukai (E – H)	XX

4.5 Pengiraan bahagian pendapatan bersih dividen satu peringkat dan pendapatan daripada pelaburan dalam skim anuiti tertanggung berserta dokumen sokongan yang berkaitan hendaklah disediakan dan ditunjukkan dalam pengiraan cukai oleh pihak syarikat.

4.6 Dokumen sokongan berkaitan pengiraan tersebut hendaklah disimpan bagi tujuan pengauditan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.

Contoh / Example

AKAUN HASIL DANA HAYAT BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012 / LIFE FUND REVENUE ACCOUNT FOR THE YEAR ENDED 31 DECEMBER 2012

	RM (' 000)
Premium kasar / Gross premium	521,856
Tolak / Less: Insurans semula / Reinsurance	<u>(36,378)</u>
Premium bersih / Net premium	485,478
Tolak / Less:	
Manfaat polisi dibayar dan boleh dibayar (kematian, matang, serah, bonus tunai dan sebagainya) / Benefit paid and payable (death, maturity, surrender, cash bonus, others)	<u>(110,557)</u>
	374,921
Tolak / Less:	
Perbelanjaan agensi dan komisen / Commission and agency expenses	(84,225)
Perbelanjaan pengurusan / Management expenses	<u>(48,428)</u>
	242,268
Jumlah pendapatan pelaburan / Total investment income	30,597
Pendapatan operasi lain (perbelanjaan) / Other operating income (expenditure) – bersih / net	<u>34,137</u>
Lebihan sebelum cukai / Surplus before taxation	307,002
Cukai / Taxation	<u>(5,526)</u>
Lebihan selepas cukai tetapi sebelum rizab polisi / Surplus after taxation but before policy reserves	301,476
Tolak (Less) / Tambah (Add):	
(Kenaikan dalam rizab polisi) / (Increase in policy reserves) / Penurunan dalam rizab polisi / Decrease in policy reserves	<u>(274,015)</u>
Lebihan tahun semasa / Surplus arising during the year	(A) 27,461¹
Pemindahan (kepada) / daripada penyata pendapatan / Transfer (to) / from income statement	(E) (2,000)²
Bonus diagihkan kepada pemegang polisi sertaan / Bonus allocated to participating policy holders	(F) (17,570)³
Lebihan yang tidak diagihkan pada awal tahun / Unallocated surplus at beginning of year	<u>24,741⁴</u>
Lebihan yang tidak diagihkan pada akhir tahun / Unallocated surplus at end of year	<u>32,632</u>

**Pendapatan Pelaburan daripada 01/01/2012 hingga 31/12/2012 /
Investment Income from 01/01/2012 to 31/12/2012**

	RM (' 000)
a) Faedah daripada / Interests from :	23,241
• Simpanan tetap dan Pasaran wang / Fixed deposits and Money market	
• Bil Kerajaan Malaysia / Malaysia Government bills	
• Pinjaman dijamin Kerajaan Malaysia / Malaysian Government guaranteed loans	
• Nota Cagamas / Cagamas notes	
• Debentur, bon dan stok pinjaman / Debentures, bonds and loan stocks	
• Pinjaman – (pinjaman polisi, lain-lain pinjaman bercagar, pinjaman untuk kakitangan) / Loans – (policy loans, other secured loans, staff loans)	
b) Dividen bersih daripada / Gross dividends from :	
• Saham disebut harga (dalam Malaysia / di luar Malaysia) / Quoted shares (in Malaysia/outside Malaysia)	
• Saham tidak disebut harga / Unquoted shares	
• Unit Amanah / Unit Trust	
• Lain-lain (dividen satu peringkat) / Others (single-tier dividend)	(C¹) 2,112⁵
c) Sewaan (tolak kadar dan penyelenggaraan) / Rental (less rates and maintenance)	270
d) Pendapatan pelaburan daripada anuiti tertangguh / Investment Income from deferred annuity	(C²) 1,500⁶
e) Pertambahan diskaun ke atas / Accretion of discounts on :	1,401
• Bon dijamin Kerajaan Malaysia / Malaysian Government guaranteed bonds	
• Bon Cagamas / Cagamas bonds	
• Bon Korporat tidak disebut harga / Unquoted bonds of corporations	
• Nota janji dijamin bank / Bank guaranteed promissory note	
f) Pelunasan premium ke atas / Amortisation of premiums on :	(2,740)
• Sekuriti Kerajaan Malaysia / Malaysian Government securities	
• Bon dijamin Kerajaan Malaysia / Malaysian Government guaranteed bonds	
• Bon Cagamas / Cagamas bonds	
• Stok pinjaman boleh ubah disebut harga / Quoted	

	convertible loan stocks	
	• Sijil deposit boleh niaga / Negotiable certificate deposits	
g)	Pendapatan pelaburan daripada perniagaan berkaitan pelaburan / Investment Income from investment-linked business	4,813
		<hr/>
	Jumlah pendapatan pelaburan / Total Investment Income	<u>30,597</u>

(i) Pengiraan amaun pendapatan bersih dividen satu peringkat dan pendapatan daripada pelaburan dalam skim anuiti tertanggung yang termasuk dalam lebihan aktuari

$$\left[\frac{A \times C}{B} \right] = D$$

$$A = \text{RM}27,461,000^1$$

$$B = \text{RM}52,202,000 (\text{RM}27,461,000^1 + \text{RM}24,741,000^4)$$

$$C = \text{RM}3,612,000 (\text{RM}2,112,000^5 + \text{RM}1,500,000^6)$$

$$\frac{\text{RM}27,461,000}{\text{RM}52,202,000} \times \text{RM}3,612,000 = \text{RM}1,900,102 (D)$$

(ii) Pengiraan amaun pendapatan bersih dividen satu peringkat dan pendapatan daripada pelaburan dalam skim anuiti tertanggung dalam lebihan aktuari dana hayat yang dipindahkan kepada dana pemegang saham

$$\left[\frac{E \times D}{G} \right] = H$$

$$E = \text{RM}2,000,000^2$$

$$G = \text{RM}19,570,000 (\text{RM}2,000,000^2 + \text{RM}17,570,000^3)$$

$$D = \text{RM}1,900,102$$

$$\frac{\text{RM } 2,000,000}{\text{RM}19,570,000} \times \text{RM}1,900,102 = \text{RM}194,185 (H)$$

(iii) Amaun lebih aktuari dana hayat yang dipindahkan kepada dana pemegang saham tertakluk kepada cukai pendapatan

	RM	
Amaun lebih aktuari yang dipindahkan	2,000,000	(E)
Tolak :		
Pendapatan bersih dividen satu peringkat dan pendapatan pelaburan dalam skim anuiti tertanggung (yang dikecualikan cukai)	<u>(194,185)</u>	(H)
Amaun pendapatan bercukai	<u>1,805,815</u>	

Garis panduan ini sebagai menggantikan Garis Panduan Pengendalian Dividen Satu Peringkat Dalam Lebihan Aktuari Yang Dipindahkan Kepada Dana Pemegang Saham bertarikh 27 Julai 2012.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

5 Mei 2015

s.k: LHDN.01/35/42/51/344